

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(I)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

7. Setelah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mengezonkan kawasan paya bakau di sepanjang Teluk Air Tawar - Penaga sebagai hutan paya dalam RTD2030, adakah Kerajaan Negeri akan kaji balik kesesuaian Projek Zon Industri Akuakultur yang akan memberi kesan langsung kepada alam sekitar?
- (a) Apakah projek alternatif yang sesuai dibangunkan di kawasan tersebut?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP2030) telah mengenal pasti Hutan Paya Laut Penaga – Teluk Air Tawar adalah sebagai salah satu Zon Pelancongan Eko iaitu di bawah Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP);
- (i) DSP 3.1.2: Memperkasakan industri pelancongan sebagai salah satu penggerak utama ekonomi Negeri Pulau Pinang.
- (ii) Langkah (L)  
L 3.1.2.6: Memperkasakan Produk-Produk Pelancongan Agro dan Eko Melalui Perancangan Dan Program Yang Dapat Menarik Kedatangan Pelancongan Yang Lebih Ramai.

Antara agensi pelaksana yang dikenal pasti RSNPP2030 untuk melaksanakan langkah tersebut adalah Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, *Northern Corridor Implementation Authority*, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Majlis Bandaraya Pulau Pinang/Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBPP/MBSP), Tourism Malaysia & Penang Global Tourism.

MBSP juga komited untuk mengekalkan hutan paya bakau Teluk Air Tawar – Kuala Muda – Penaga sebagai Hutan Simpan Kekal dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). Berikutan cadangan pelaksanaan projek Zon Industri Akuakultur (ZIA) oleh Kerajaan Negeri, adalah dijangkakan ia akan memberi impak negatif kepada alam sekitar. Walau bagaimanapun cadangan ini masih tertakluk kepada keputusan Laporan EIA oleh Jabatan Alam Sekitar.

- (a) Projek alternatif yang sesuai dibangunkan di kawasan ini hanyalah eko pelancongan sahaja.

Tanah Kerajaan Negeri di Sepanjang Pesisir Pantai Pasir Gebu, Mukim 1 hingga Kuala Bekah, Mukim 4 Daerah Seberang Perai Utara (SPU) seluas 1,938,945 meter persegi (479.13 ekar) telah diberimilik kepada Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) pada 1 November 2013. Tapak tersebut diberimilik kepada CMI untuk tujuan pembangunan Zon Industri Akuakultur (ZIA) selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020) yang menggazetkan kawasan tersebut sebagai kawasan akuakultur.

Permohonan perlingkungan semula kawasan tersebut daripada Zon Hutan (Paya Bakau) kepada Zon Pertanian (Akuakultur) telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 6/2014 yang diadakan pada 30 April 2014 dan disahkan pada 26 Mei 2014. Merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 (Warta Kerajaan Jilid 63 Tambahan No. 3/22 bertarikh 24 Oktober 2019), kawasan tapak projek berada di dalam Zon Akuakultur.

Surat Tawaran kepada kesemua 19 pengusaha telah dikeluarkan pada 16 Mac 2015 dalam Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang (PENKUA) dan kesemua pengusaha telah mempersetujui syarat-syarat tawaran dan menerima tawaran tersebut serta mengembalikan Surat Setuju Terima pada 25 Mac 2015. Bagi projek ZIA, telah disyaratkan supaya Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) disediakan terlebih dahulu sebelum projek ini boleh dimulakan. Penyediaan Laporan EIA Jadual 2 ini adalah syarat yang dikenakan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri bagi memastikan pelaksanaan projek ini tidak memberi kesan yang buruk kepada penduduk sekitar dan keadaan alam sekitar.

Sehubungan dengan itu, Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bagi pelantikan juruperunding iaitu Syarikat Fanli Marine & Consultancy Sdn. Bhd. telah diluluskan pada 27 September 2017 dan disahkan pada 4 Oktober 2017. Surat tawaran telah dikemukakan pada 23 Januari 2018. Melalui Mesyuarat MMK Bil. 42/2018 pada 12 Disember 2018 dan disahkan pada 9 Januari 2019 telah memutuskan kos bagi penyediaan laporan tersebut berjumlah RM848,000.00 dibiayai dahulu oleh Kerajaan Negeri melalui CMI. Walau bagaimanapun, selepas kelulusan laporan EIA, kos ini akan dibahagikan di antara para peserta dan akan dijelaskan bersama bayaran pajakan kelak. Sebagai makluman, bayaran perlantikan konsultan sebanyak RM254,400.00 iaitu 30% daripada jumlah bayaran telah dijelaskan pada 15 Januari 2019. CMI juga telah mengadakan perbincangan bersama Fanli Marine dan dimaklumkan bahawa pihaknya memerlukan jurutera perunding bagi penyediaan reka bentuk konsep dan pelan pembangunan ZIA untuk melengkapkan Laporan EIA tersebut.

Justeru, CMI telah melantik O&L Jurutera Perunding Sdn. Bhd. pada 9 Oktober 2019 sebagai jurutera perunding bagi penyediaan pelan reka bentuk konsep dan pelan pembangunan tersebut. Kos bagi jurutera perunding tersebut adalah berjumlah RM298,020.06 dan kos tersebut dibiayai sepenuhnya oleh PENKUA Sdn. Bhd. yang mewakili kesemua 19 peserta ZIA. Bayaran penyediaan *Inception Report* sebanyak RM56,561.81

iaitu 20% daripada kos keseluruhan telah dijelaskan pada 13 Disember 2019. Secara umumnya, penyediaan Laporan EIA Jadual dua (2) dijangka mengambil masa sembilan (9) hingga 12 bulan untuk disiapkan dan dijangka siap pada bulan September 2020. Namun demikian, akan terdapat kelewatan dalam penyediaan laporan ini susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikeluarkan.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini masih dalam pertimbangan Kerajaan Negeri dan mengambil kira syor yang diputuskan oleh Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Pulau Pinang pada 9 Oktober 2019 serta telah mendapat pandangan pakar berkaitan analisa impak dan pulangan aset (ROA).